

# KPT tubuh portfolio khas urus pelajar luar kampus

Kerjasama UA, MAPUM tingkat tahap kecekapan tadbir urus hal ehwal mahasiswa

**Shah Alam:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan menubuhkan portfolio yang menguruskan hal ehwal pelajar luar kampus, di universiti awam (UA).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata penubuhan itu dilakukan dengan kerjasama UA dan Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM).

Katanya, cadangan berkenaan antara 11 agenda diusulkan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Jun lalu, untuk memartabat serta memper-

kasa mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kerajaan bersetuju dengan cadangan portfolio khusus dan tindakan pelaksanaan bagi merealisasikan agenda itu sedang giat direncanakan berdasarkan kesesuaian kebolehlaksanaan," katanya ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Biasiswa Endowment Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, kelmarin.

Noraini berkata, garis panduan bagi meningkatkan tahap kecekapan tadbir urus hal ehwal pelajar luar kampus juga sedang dibangunkan pihaknya.

"Tidak hanya berhenti di situ, kementerian mengambil langkah proaktif menerusi pembangunan Portal Rumah Siswa yang menyediakan platform menghubungkan pelajar sebagai penyewa bersama

pemilik premis, khidmat nasihat serta memudahkan proses pencarian bilik atau rumah sewa," katanya.

Noraini berkata, kementerian juga sedang melaksanakan usaha memperkasa fungsi kad matrik pelajar menerusi inisiatif Kad Prihatin Siswa.

"Kementerian berhasrat untuk memantapkan fungsi kad matrik pelajar sebagai kad pelbagai guna yang turut berfungsi sebagai kad debit dan dilengkapi dengan kemudahan lain seperti e-wallet (e-dompet) dan transaksi tanpa tunai," katanya. **BERNAMA**



**Kementerian ambil langkah proaktif menerusi pembangunan Portal Rumah Siswa yang menyediakan platform hubungkan pelajar sebagai penyewa bersama pemilik premis, khidmat nasihat serta memudahkan proses pencarian bilik atau rumah sewa.**

**Noraini Ahmad,**  
Menteri Pengajian Tinggi

